KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 01.04.22 | MUKA SURAT | : | 20 |
| JABATAN | : | JPSM | | | |





*Bagi aktiviti pengusahasilan dalam RMK-12 di Kelantan*

# 19,500 hektar hutan dilulus

**Kota Bharu**

Sebanyak 19,500 hektar kawasan dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) di Kelantan diluluskan bagi aktiviti pengusahasilan hutan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob berkata sebanyak 3,900 hektar kawasan diusahakan setiap tahun dalam tempoh 2021 hingga 2025.

"Kelulusan penebangan itu juga berdasarkan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) ditetapkan menerusi mesyuarat diadakan oleh Majlis Tanah Negara kali ke-77 yang telah bersidang pada 8 Sept tahun lepas," katanya ketika menjawab soalan Saiful Adli Abu Bakar (Pas-Salor) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan ke-14 di Kota Darulnaim di sini, semalam.

Ahmad berkata bagi mengawal berlaku penebangan hutan secara haram, kerajaan Kelantan bersama Jabatan Perhutanan Negeri mengawal aktiviti berkenaan menerusi pemantauan imej satelit.

"Selain itu kawalan juga dilakukan menerusi Pemantauan Hutan Menggunakan Penderiaan Jauh (FMRS) termasuk pemantauan menerusi dron dan rondaan darat secara berkala di lokasi-lokasi panas yang berpontensi untuk berlaku pencerobohan.

"Sekiranya didapati pencerboh melakukan kesalahan mereka akan ditangkap untuk dihadapkan ke mahkamah bagi mendapatkan keadilan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata Jabatan Perhutanan Negeri menetapkan hanya sekitar 30 peratus kawasan di HSK dibenarkan untuk pertanian.

"Mengikut peraturan ditetapkan ada kawasan dibenarkan untuk pertanian dan ada yang tidak dibenarkan.

"Sekiranya keluasan itu melebihi daripada yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, kita perlukan kelulusan supaya tidak berlaku apa-apa kerosakan kepada alam sekitar di negeri ini," katanya.

Menurut beliau, hanya 30 peratus daripada kelulusan CTT, diberikan khusus untuk projek tanaman durian.

"Ini juga antara langkah diambil oleh kerajaan agar tidak berlaku bencana alam atau kerosakan kepada alam flora dan fauna sekaligus menyebabkan banyak pihak terkesan dengan pembangunan pertanian," katanya ketika menjawab soalan tambahan Adun Salor.